

30 JAN 2001

INDIA-IT

INDIA BERMINAT JADIKAN M'SIA PINTU MASUK KE PASARAN IT ASEAN DAN DUNIA

Oleh: Mohd Fisol Jaafar

NEW DELHI, 30 Jan (Bernama) -- India, pengeluar perisian komputer kedua terbesar di dunia selepas Amerika Syarikat mahu menjalin kerjasama dengan Malaysia dalam inisiatif Teknologi Maklumat (IT) untuk menjadikan Malaysia sebagai pintu masuk ke pasaran IT Asean dan dunia.

S. Lakshiminarayanan, Setiausaha Bersama bagi Industri dan Ekonomi di Kementerian Teknologi Maklumat India berkata, kerjasama antara kedua-dua kerajaan akan membuka peluang bagi inisiatif IT sektor swasta.

"Kedua-dua negara boleh memanfaatkan kepakaran perisian India," katanya dalam satu temubual dengan sekumpulan pemberita dari Malaysia yang sedang dalam rangka lawatan 10 hari ke India.

Beliau berkata kedua-dua negara itu dijangka mencapai memorandum persefahaman (MOU) bagi kerjasama dalam IT apabila Perdana Menteri India Atal Behari Vajpayee melawat Malaysia pada awal Februari.

Teras MOU itu adalah kedua-dua negara bekerjasama dalam pembangunan perisian dan perkakasan serta membentuk kerjasama di mana India dan Malaysia boleh mendapat manfaat bersama dari negara lain yang mencari pekerja-pekerja mahir IT.

"Pembekalan sumber luar pekerja mahir IT bermakna rakyat kita akan bekerja di India dan Malaysia agar ekonomi kedua-dua negara berkembang," katanya.

Lakshiminarayanan berkata Kementerian Kewangan sedang menilai kejayaan Malaysia dalam IT, terutama kejayaannya dalam sektor perkakasan.

"Kami pakar dalam perisian tetapi tidak begitu berjaya dalam perkakasan. Oleh kerana Malaysia berjaya menarik banyak pelaburan dalam perkakasan, kami mahu mencontohi kejayaannya itu."

Beliau berkata India berharap dapat menyaksikan kedua-dua negara menjadi penyedia perisian dan perkhidmatan aplikasi bagi Eropah dan AS.

"Malahan, kami akan mencadangkan perkara ini kepada kerajaan Malaysia ketika lawatan Perdana Menteri kami kelak," katanya.

"Kami merasakan ia adalah satu bahagian yang kita boleh bekerjasama kerana walaupun kita adalah dua buah negara yang berbeza secara tradisinya kita mempunyai ikatan hubungan yang sangat baik.

"Oleh itu, kami memerlukan bantuan Malaysia untuk memasuki pasaran Asean sebagai rakan kongsi bersama."

Lakshiminarayanan berkata India tidak akan teragak-agak untuk mengadakan usaha sama dengan syarikat-syarikat Malaysia bagi menjadi pusat pembekalan sumber IT.

"Kekuatan negara kami adalah rakyat yang bekerja keras bersama dengan kepintaran. Kemungkinan, Malaysia dan India boleh menguasai pasaran dunia sebagai pusat pembekalan sumber," katanya.

Untuk satu tempoh jangka masa yang singkat sahaja, India telah bertukar menjadi satu daripada peserta IT terulung di dunia.

Ia telah menetapkan rangkaian strategi dalam pelan induk negara yang disasarkan untuk mengubah rakyat menjadi "celik IT" dan menjadi pengeluar dan pengeksport terbesar perisian menjelang tahun 2008.

Kerajaan komited dalam memajukan prasarana IT di mana sehingga kini, kira-kira 200,000 km rangkaian gentian optik telahpun disediakan dengan talian tambahan dalam tempoh beberapa tahun lagi.

India menggalakkan penggunaan wayarless dalam gelung tempatan bagi jarak dekat serta komunikasi luar bandar dan menambah 12,000 VSATS kepada sistem.

Ia juga membolehkan hubungan dalaman antara kitaran telekomunikasi.

Kerajaan menubuhkan satu rangkaian kukuh pusat maklumat masyarakat di seluruh India termasuk menghubungkan daerah-daerah terpencil di negara itu dengan VSATS dan menyediakan akses Internet di seribu kiosk pengendali panggilan awam.

Bagi menggalakkan penyertaan asing dalam sektor IT, kerajaan India membenarkan pelaburan asing 100 peratus menerusi laluan automatik dengan faedah penghantaran pulang keuntungan penuh.

Ia juga menawarkan pengecualian cukai sehingga tahun 2010 bagi unit IT untuk dibina di kawasan teknologi perisian dan pengecualian cukai sehingga 10 tahun dengan konsesi cukai 125 peratus.

-- BERNAMA

MFJ MR ZK MA